

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PORT DICKSON)**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membentang dan mengungkai Proklamasi dan Ordinan Darurat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa Proklamasi Darurat 2021 [P.U. (A) 7/2021] (“Proklamasi Darurat 2021”) sedang berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) telah memasyhurkan tujuh (7) ordinan darurat selaras dengan Perkara 150(2B) Perlembagaan Persekutuan (“PP”) seperti yang berikut:

2. Ordinan-ordinan Darurat di atas secara bersama dirujuk sebagai “Ordinan Darurat 2021”. Ordinan Darurat 2021 berkuat kuasa sehingga dibatalkan, diungkaikan atau terhenti berkuat kuasa mengikut kedudukan undang-undang seperti yang berikut:

SOALAN NO : 24

- (a) dibatalkan oleh YDPA mengikut Perkara 150(3) PP semasa Proklamasi Darurat 2021 sedang berkuat kuasa;
- (b) diumumkan melalui suatu ketetapan yang diluluskan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen mengikut Perkara 150(3) PP; atau
- (c) terhenti berkuat kuasa mengikut Perkara 150(7) PP setelah habis tempoh enam (6) bulan Proklamasi Darurat 2021 terhenti berkuat kuasa iaitu mulai 2 Februari 2022, mengikut mana-mana yang terdahulu.

3. YDPA tidak lagi diperuntukkan dengan kuasa untuk membatalkan Ordinan Darurat 2021 di bawah Perkara 150(3) PP apabila Proklamasi Darurat 2021 [P.U. (A) 7/2021] (“Proklamasi Darurat 2021”) telah terhenti berkuat kuasa pada 2 Ogos 2021.

4. Justeru, antara kaedah lain untuk membatalkan Ordinan Darurat 2021 adalah melalui proses pengumuman di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen mengikut Perkara 150(3) PP. Bagi tujuan mengumumkan Ordinan Darurat 2021 oleh Majlis Parlimen mengikut Perkara 150(3) PP, ketetapan untuk mengumumkan Ordinan Darurat 2021 hendaklah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

5. Setakat Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, diperhatikan tiada apa-apa ketetapan berhubung dengan pengumuman mana-mana Ordinan Darurat 2021 telah diluluskan oleh Majlis Parlimen. Sehubungan dengan itu, Ordinan Darurat 2021 masih berkuat kuasa sehingga diumumkan melalui ketetapan yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

6. Namun, sekiranya Parlimen tidak mengumkai Ordinan Darurat 2021 di bawah Perkara 150(3) PP, Perkara 150(7) PP memperuntukkan Ordinan Darurat 2021 hanya akan terhenti berkuat kuasa setelah habis tempoh enam (6) bulan Proklamasi Darurat 2021 tamat (*grace period*) iaitu mulai 2 Februari 2022.

SOALAN NO : 24

7. Selain itu, walaupun Ordinan Darurat 2021 masih berkuat kuasa sehingga diumumkan oleh Parlimen di bawah Perkara 150(3) PP atau sehingga habis tempoh enam (6) bulan *grace period* di bawah Perkara 150(7) PP, bagi peruntukan Ordinan Darurat 2021 yang mempunyai ungkapan “Bagi tempoh darurat berkuat kuasa” (*For so long as the emergency is in force*), peruntukan tersebut berkuat kuasa selama jangka hayat Proklamasi Darurat 2021 berkuat kuasa memandangkan peruntukan-peruntukan berkenaan berkait rapat dengan hak-hak yang termaktub dalam PP dan perkara-perkara yang asas kepada hak asasi manusia serta sesuatu negara yang mengamalkan sistem demokrasi, dan kewujudan peruntukan-peruntukan berkenaan selepas darurat tamat berkuat kuasa adalah sukar untuk dibela atau diberi justifikasi.

8. Dalam hal ini, memandangkan Proklamasi Darurat 2021 telahpun terhenti berkuat kuasa pada 2 Ogos 2021, maka peruntukan Ordinan Darurat 2021 yang mempunyai ungkapan “Bagi tempoh darurat berkuat kuasa” juga telah terhenti berkuat kuasa pada 2 Ogos 2021.

Sekian, terima kasih